

EDISI #02 | 2025

# JELAJAH AIM TVET

WITH CIKGU SAARANI

4,156 PENGUNJUNG  
ANTARA  
PENERIMA  
**MANFAAT**

MUKA  
SURAT **10**



**PODCAST  
TEMAN  
BERSOREH**

MUKA  
SURAT **11**



**PERINTIS  
PERAK  
EMPLOYABILITY  
TRAINING SCHEME**

MUKA  
SURAT **05**

# Isi Kandungan

|                                        |    |
|----------------------------------------|----|
| Profil Syarikat                        | 02 |
| Klinik Kerjaya                         | 03 |
| Pemetaan Kerjaya Sekolah               | 04 |
| Perintis                               | 05 |
| Program Moh Kerja                      | 06 |
| TVET Exchange Program                  | 07 |
| TVET Pilihan Kerjaya                   | 08 |
| Testimoni Peserta TVET                 | 09 |
| Jelajah AIM TVET<br>with Cikgu Saarani | 10 |
| Podcast                                | 11 |
| HRD CORP                               | 12 |
| Daftar Talent Perak (Majikan)          | 13 |
| Dewan Belia Perak                      | 14 |

## Buletin PASAK

@2025 HAK CIPTA TERPELIHARA

PEREKA MUKA DEPAN & SUSUNAN ATUR : M.N.ARIFF  
[ariff@perakpasak.org](mailto:ariff@perakpasak.org)

PENULISAN ARTIKEL :

- 1) VISUAL MOTION LAB
- 2) ANAS ZIKRI
- 3) UMAIR
- 4) ZULFADLI

Buletin ini bertujuan untuk pemasaran dan mendedahkan info yang bermanfaat. Sebarang cetakan atau salinan tanpa kebenaran daripada pihak PASAK adalah tidak sah dan salah di sisi undang-undang.



PUSAT ASPIRASI ANAK PERAK,  
29, Jalan Raja Musa Mahadi, Desa Perwira,  
31350 Ipoh, Perak  
<https://perakpasak.org/>  
Tel: +605-318 3290  
EDISI #02



<https://perakpasak.org/>

## Profil

## SYARIKAT

## Matlamat, Misi &amp; Visi

**P**usat Aspirasi Anak Perak (PASAK) merupakan agensi Kerajaan Negeri yang komited dalam membangunkan modal insan dan kerjaya anak-anak negeri Perak. Sebagai agensi pelaksana yang proaktif, PASAK berperanan memetakan kekosongan jawatan di negeri ini bagi menghubungkan bakat tempatan dengan keperluan industri. Melalui peranan utamanya dalam Koridor TVET Malaysia, PASAK turut menyokong usaha melahirkan tenaga kerja mahir sejajar dengan keperluan industri, sekali gus memperkasa status sosio-ekonomi rakyat. Usaha ini turut diperluaskan ke kawasan luar bandar dengan memberi fokus terhadap penyediaan peluang pekerjaan serta latihan kemahiran bersesuaian.

## MISI

PASAK bertekad untuk membangunkan sumber manusia di Negeri Perak secara inklusif melalui pemeraksanaan kemahiran TVET agar tenaga kerja kekal relevan dalam pasaran industri serta melahirkan pemimpin yang berintegriti untuk pertumbuhan ekonomi negeri dan masyarakat progresif.

## VISI

PASAK berhasrat untuk menjadi peneraju agensi pembangunan sumber manusia yang mempunyai kompetensi tinggi di Negeri Perak menjelang tahun 2030.



# Klinik Kerjaya

## KUASAI KEMAHIRAN

Hanya Dalam Satu Hari

**P**enguasaan ilmu akademik amatlah penting dalam membimbing kehidupan ke arah yang lebih cemerlang. Namun, hari ini kita masih dikhabarkan dengan kebanjiran graduan yang masih belum memperoleh pekerjaan yang setara dengan kelayakan masing-masing.



Melihat isu ini, kerajaan negeri melalui PASAK menjalankan inisiatif Klinik Kerjaya yang merupakan platform latihan yang membuka ruang dan peluang kepada rakyat Perak untuk menguasai kemahiran-kemahiran asas yang diperlukan dalam pasaran kerja hari ini seperti penguasaan perisian Microsoft lanjutan, asas penggunaan Artificial Intelligent, asas reka bentuk grafik, dan asas pemasaran sosial media.



Klinik Kerjaya ini menawarkan latihan yang intensif dengan mengetengahkan bidang kemahiran yang boleh dikuasai dalam masa satu hari latihan.

### JUMLAH PROGRAM & PESERTA KLINIK KERJAYA

TAHUN 2021 - SEP 2025



TAHUN 2021



TAHUN 2022



TAHUN 2023



TAHUN 2024



TAHUN 2025 (JAN - OKT)

**B**agi melahirkan masyarakat berdaya saing, PASAK komited melaksanakan Program Pemetaan Kerjaya (PETA) yang memfokuskan murid sekolah menengah sebagai persediaan awal sebelum menyambung pengajian atau menceburi alam pekerjaan. Program ini memperkenalkan kemahiran asas dan memberi pendedahan awal terhadap potensi kerjaya. Walaupun tidak mendalami setiap bidang, pendekatan praktikal PETA berjaya meningkatkan keyakinan, kreativiti, dan kesedaran murid. Sepanjang 2024, sebanyak 37 program PETA dilaksanakan melibatkan 3,816 murid, manakala bagi Januari hingga Oktober 2025, sebanyak 41 program disertai 4,201 murid. Antara contoh ialah Taklimat Haluan Kerjaya di Sekolah Menengah Agama Mudzaffar Shah, Semanggol dengan penyertaan 188 murid yang membantu mereka mengenal pasti minat dan hala tuju pendidikan.

JUMLAH PROGRAM & PESERTA

## PEMETAAN KERJAYA




4,201

41

TAHUN 2025 ( JAN - OKT) ■ PESERTA ■ PROGRAM

## Pemetaan Kerjaya Sekolah (Peta) PUKUK NILAI KEMAHIRAN dari peringkat sekolah

Selain taklimat, PETA turut menyediakan kursus kemahiran jangka pendek yang memberi pengalaman praktikal. Antaranya Kursus Asas Manicure di Sekolah Agama Kebangsaan Sheikh Abdul Ghani, Bidor yang melibatkan 25 orang murid yang diberi pendedahan teknik penjagaan kuku yang berpotensi menjana pendapatan sampingan. Kursus *Mobile Photography* di Sekolah Menengah Kebangsaan Slim, Slim River pula melibatkan 47 murid, melatih teknik fotografi menggunakan telefon pintar termasuk pencahayaan, komposisi dan suntingan asas. Kemahiran digital ini amat relevan dengan keperluan industri semasa, terutamanya dalam bidang pemasaran digital. Secara keseluruhan, PETA bukan sahaja memberi kesedaran tentang hala tuju kerjaya, tetapi turut menambah nilai diri murid melalui kemahiran, kreativiti dan membangunkan potensi murid.



# Perintis

## PERAK EMPLOYABILITY TRAINING SCHEME

Pengalaman Kerja Nyata, Masa Depan Terbuka

**P**ERINTIS merupakan inisiatif strategik yang dirancang untuk membantu graduan menganggur menceburi alam pekerjaan melalui konsep *On The Job Training* atau OJT yang memberi pengalaman kerja dalam persekitaran sebenar.

Program ini bukan sekadar menjadi penghubung antara pengajian dan dunia pekerjaan, tetapi turut meningkatkan kebolehpasaran peserta dengan penempatan latihan di organisasi terpilih dalam sektor kerajaan dan sektor swasta. Setakat ini, hampir 281 graduan dan 100 majikan telah mengambil bahagian termasuk agensi awam dan syarikat swasta. Penempatan ini membolehkan peserta membina rangkaian strategik dan mengenal pasti hala tuju kerjaya jangka panjang.

Nilai tambah PERINTIS diperkuat melalui modul kemahiran insaniah yang merangkumi komunikasi berkesan, penyelesaian masalah, kepimpinan, serta etika kerja profesional. Latihan ini menjadikan peserta lebih kompeten dan bersedia bersaing dalam pasaran kerja.

Selain pengalaman praktikal, peserta juga memperoleh kelebihan dari segi penguasaan kemahiran insaniah yang penting untuk peningkatan kerjaya. Graduan yang menunjukkan prestasi cemerlang berpeluang diserap terus oleh organisasi yang terlibat sekiranya terdapat kekosongan jawatan.

01

Memperoleh pengalaman kerja yang sebenar

Hampir 281 graduan dan 100 majikan di sekitar Perak mendapat manfaat

02

03

Konsep OJT dan *Soft Skills Training* meningkatkan daya saing peserta

Peluang pekerjaan dan meluaskan rangkaian

04

Secara keseluruhannya, PERINTIS terbukti sebagai platform yang berkesan dan praktikal untuk memulakan kerjaya serta menyokong usaha mengurangkan kadar pengangguran graduan di Negeri Perak.

# Program MOH KROJE

## Temu Duga Terbuka Sekitar Perak

**P**rogram temu duga terbuka ini merupakan peluang terbaik kepada semua pencari kerja dalam kalangan graduan, lepasan sekolah, dan terbuka kepada masyarakat awam tanpa mengira latar belakang dan pengalaman kerja. Program ini membuka peluang kepada pencari kerja untuk mendapatkan pekerjaan yang mampan melalui proses sesi temu duga yang cekap dan efisien.

### KELEBIHAN PROGRAM

01

Peluang terus berinteraksi dengan majikan secara peribadi

Proses temu duga yang pantas

02

03

Ketahui keputusan dengan kadar segera

Penyertaan terbuka

04

05

Meningkatkan keyakinan diri

Program ini menawarkan keistimewaan dan peluang kepada pencari kerja untuk berinteraksi secara langsung dengan majikan daripada pelbagai sektor. Melalui program ini, calon temu duga berpeluang menjalani sesi temu duga secara peribadi tanpa melalui proses saringan yang panjang. Salah satu keistimewaan Program Moh Kroje adalah proses temu duga yang pantas dan membolehkan pencari kerja mendapat keputusan temu duga dengan kadar segera.

Selain membantu pencari kerja, program ini turut mempermudah urusan para majikan dalam mendapatkan calon yang terbaik bagi mengisi keperluan industri. Dalam hal ini, pihak PASAK membantu dalam mempromosikan kekosongan jawatan dan mengumpulkan calon pekerja yang menepati syarat asas yang dikemukakan oleh pihak majikan.



Daripada Januari sehingga Oktober tahun 2025, sebanyak 37 Program Moh Kroje telah dijalankan dan telah membuka sebanyak 1325 kekosongan jawatan kepada rakyat Perak. Seramai 718 orang pencari kerja telah menerima manfaat. Daripada jumlah ini, seramai 72 orang pencari kerja yang menunjukkan potensi telah berjaya ditempatkan bekerja.

*Tvet*

## EXCHANGE PROGRAM

**Peluang Kemahiran di Luar Negara / TVET ke Peringkat Antarabangsa**

Dalam meniti arus modenisasi ini, kita dapat lihat perkembangan teknologi yang semakin pesat sehinggakan banyak teknologi kini yang berteraskan tenaga elektrik. Begitu juga dengan perkembangan teknologi kenderaan, apabila negara-negara maju sudah beradaptasi dengan kemudahan kenderaan elektrik sebagai pengangkutan yang mesra pengguna. Kerajaan Negeri Perak mengorak langkah proaktif dengan mempersiapkan tenaga pelatih automotif di negeri Perak dengan menyediakan mereka peluang latihan ke peringkat antarabangsa seperti Program Malaysia-China Youth TVET Training (MCYTT).

Program MCYTT ini telah menghantar seramai 50 belia Perak ke negara China untuk menjalani latihan kemahiran selama 12 hari dalam bidang *Autonomous Vehicle (AV)* dan *Electric Vehicle (EV)*. Program ini merupakan kolaborasi strategik antara Majlis TVET Negeri Perak, PASAK, Pertubuhan Kebangsaan Pekerja Berkemahiran (BELIA MAHIR), dan Tang International Education bersama Industri & Kerajaan China.

Program MCYTT berkonsepkan *Outbound Mobility* dengan objektif memperkasakan pelatih TVET dengan mengembangkan minda mereka melalui pengalaman merasai teknologi tinggi, budaya, dan persekitaran yang berbeza di negara China. Program ini juga termasuk dalam *Belt & Road Initiative (BRI)* yang bertujuan untuk mempersiapkan tenaga mahir yang berdaya saing dan kekal relevan dalam arus perkembangan teknologi semasa.

Ini merupakan satu pencapaian yang baik apabila ilmu dan pengalaman yang dipelajari oleh 50 belia Perak dapat disumbangkan semula dalam arus pembangunan ekonomi negeri.

Untuk makluman, program MCYTT ini akan diteruskan lagi pada tahun 2025. Kerajaan Negeri melalui PASAK berhasrat untuk membantu lebih ramai anak Perak untuk memperkasakan bakat dan kemahiran melalui latihan yang berkesan bertaraf antarabangsa.



把工作当事业 把岗位当舞台



**T**VET kini semakin mendapat sambutan yang agak memberangsangkan dalam kalangan belia sebagai salah satu haluan kerjaya yang mampan. Dalam pasaran kerja yang semakin mencabar dan dinamik, TVET menawarkan pendekatan pembelajaran berasaskan kemahiran yang memberi tumpuan kepada latihan praktikal dalam pelbagai bidang seperti kejuruteraan, automotif, perhotelan, teknologi maklumat, dan pelbagai lagi bidang yang menarik. Latihan yang disediakan juga berasaskan modul-modul yang relevan mengikut acuan industri. Ini menjadikan graduan TVET lebih bersedia untuk menceburi alam pekerjaan dan memiliki kadar kebolehpasaran yang tinggi, iaitu mencecah 90.2% kebolehpasaran daripada jumlah 27,338 graduan Anak Perak pada tahun 2023. TVET juga memberi peluang kepada pelbagai lapisan masyarakat untuk terus kompeten dan berdaya saing dalam pasaran kerja semasa.



Di negeri Perak, PASAK memikul tanggungjawab penting dalam menyelaraskan dan memperkasakan TVET apabila diberi mandat untuk memegang peranan sebagai Sekretariat Majlis TVET Negeri Perak. Dengan memegang kukuh sembilan (9) program peningkatan kemahiran, PASAK bertindak aktif dalam memperkasakan TVET di negeri Perak demi melahirkan tenaga mahir yang dapat memenuhi keperluan industri berdasarkan konsep 'Satu Warga, Satu Skil'.



# Tvet

## PILIHAN

Kerjaya

## Testimoni

**PESERTA***Tvet***MUHAMMAD EDRY  
EMIL HAKEEM  
BIN CHE KHAIRUL AZMADI**PENDAPATAN SELEPAS KURSUS  
**RM3,440**

Edry, seorang profesional automotif yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Automotif) dari UTeM. Beliau pernah menyertai Malaysia-China Youth TVET Training Program. Kini, beliau bertugas sebagai Pensyarah Automotif di Kolej Komuniti Gerik dengan pendapatan bulanan sebanyak RM3,440.

**ZAWIAH  
BINTI DAUD**PENDAPATAN SELEPAS KURSUS  
**RM 3,500**

Zawiah binti Daud menjalankan perniagaan jahitan dan alteration (Fgee Enterprise) mencatatkan peningkatan pendapatan daripada RM2500-RM3000 kepada RM3500 ke atas selepas menyertai kursus Sijil Kemahiran Malaysia Micro Credential Ladies Garment Contemporary Wear Making "Jubah Moden Wanita" yang diadakan pada 29 Julai hingga 2 Ogos 2024.

**HAIZUL FAKARUDIN  
BIN MOHAMED REDZUAN**PENDAPATAN SELEPAS KURSUS  
**RM 3,500**

Haizul Fakarudin bin Mohamed Redzuan, seorang Juruterapi & Caregiver, telah menunjukkan peningkatan pendapatan yang ketara selepas menyertai Kursus Asas Penjagaan Warga Emas pada 6-10 Mei 2024 (Batch 1). Pendapatannya telah melonjak daripada RM1,500 kepada RM3,500, membuktikan bagaimana kursus ini telah membantu meningkatkan kemahiran dan peluang perniagaannya.

**KHAIRRUDDIN  
BIN MAZLI**PENDAPATAN SELEPAS KURSUS  
**RM 5,000**

Khairruddin merupakan seorang OKU penglihatan yang menyertai Program TVET OKU: Kursus Refleksologi. Kini, beliau mampu menjana pendapatan sendiri dengan membuka sebuah kedai refleksologi di Meru. Pendapatan beliau kini mencecah RM5,000.00 sebulan.

Menarik kan? Tunggu apa lagi, ayuh sertai kursus latihan kemahiran TVET di bawah PASAK, sila layari laman sesawang rasmi [perakpasak.org](http://perakpasak.org). Semua kursus yang disediakan oleh PASAK adalah **PERCUMA**, tanggungan sepenuhnya Kerajaan Negeri Perak (Tertakluk terma & syarat).

# Jelajah

## AIM TVET with

Cikgu Saarani

**S**iri pertama 'Jelajah AIM TVET with Cikgu Saarani' telah dijalankan pada 19 April 2025 di Kompleks Sukan Tapah. Jelajah ini merupakan satu inisiatif dalam memperkasakan TVET. Inisiatif ini dirancang dengan matlamat untuk menarik minat masyarakat, khususnya dalam kalangan belia Perak untuk menceburi bidang TVET sebagai satu haluan kerjaya yang mampan, di samping melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang memenuhi keperluan industri semasa.



**Aspirasi:** Jadikan TVET pilihan kerjaya utama & penuhi keperluan industri Perak.



**Inovasi:** Budayakan inovasi rakyat Perak berkemahiran untuk perkasa TVET.



**Penguasaan:** Tingkatkan penguasaan masyarakat untuk sambung pelajaran & kerjaya TVET.

Sejajar dengan aspirasi tersebut, Jelajah ini berperanan sebagai pemangkin dalam membangunkan rakyat yang dinamik dan berdaya saing di peringkat negeri mahupun kebangsaan. Jelajah AIM TVET yang pertama ini telah memberi manfaat kepada seramai 1,588 pengunjung daripada warga tempatan termasuk pelajar sekolah di sekitar Perak.

Melalui perkongsian interaktif, persembahan bakat, pameran yang menarik dan berinformatif, Jelajah ini sedikit sebanyak telah mencapai matlamat dalam mendedahkan kepentingan TVET dan menarik minat belia untuk menceburi TVET.

Sudah pastinya, Jelajah ini tidak hanya terhenti di sini, Kerajaan Negeri melalui PASAK dan kerjasama strategik Jabatan Pendidikan Negeri Perak akan meneruskan lagi Jelajah ini dalam tahun yang sama. Nantikan Jelajah AIM TVET yang seterusnya dan ikuti media sosial PASAK untuk maklumat lanjut.



Tidak ketinggalan dengan *trend* semasa, PASAK kini menjalankan siaran podcast selari dengan arus perkembangan digital. Podcast yang berjudul 'Teman Bersoreh' ini akan menggantikan program Ngopi Kerjaya yang telah berjalan sejak 2021 hingga 2024. Program Ngopi Kerjaya sebelum ini telah mencatatkan sebanyak 61 sesi siaran langsung melalui platform Facebook dengan jumlah tontonan mencecah 6,909 penonton.

Podcast Teman Bersoreh ini merupakan inisiatif strategik PASAK sebagai medium promosi yang efektif untuk memperkenalkan 'Talent Perak' kepada rakyat. Pendekatan ini bukan sahaja selaras dengan perkembangan teknologi digital, malah mampu menarik perhatian generasi muda yang lebih cenderung terhadap kandungan digital.



Langkah PASAK dalam menerokai dunia podcast mencerminkan kepekaan terhadap perkembangan semasa serta usaha berterusan dalam menyampaikan informasi dengan cara yang lebih segar, interaktif, dan mudah diakses.

Kami akan bawakan kepada anda panel-panel yang profesional dari pelbagai bidang bagi mencungkilkan dan meneroka cerita-cerita serta pengalaman menarik untuk dikongsikan, khususnya dalam topik kerjaya.



# Podcast

## TEMAN BERSOREH

**Soreh Yang Menyatukan, Cerita Yang Menginspirasi**



## HRD Corp, Agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia

HRD Corp atau Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) yang ditubuhkan untuk memacu pembangunan tenaga kerja negara melalui latihan dan pembangunan kerjaya. Ditubuhkan pada tahun 1993 dan beroperasi di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 (Akta PSMB 2001), HRD Corp bertujuan untuk memastikan setiap rakyat Malaysia terlatih dan boleh bekerja. Agensi ini memainkan peranan penting dalam menyokong inisiatif seperti National Training Week (NTW) dan ASEAN Year of Skills (AYOS), serta menyediakan platform latihan dan pembangunan kerjaya untuk individu dari pelbagai latar belakang dan kemahiran.



## HRD Corp Wilayah Perak Berganding Bahu dalam Usaha CSR Menyelamatkan Nyawa Sempena NTW 2025

Pada hari Selasa yang penuh makna, 6 Mei 2025, HRD Corp Pejabat Ipoh, Wilayah Perak telah berganding bahu di bawah semangat Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) telah menganjurkan program derma darah "Be A Hero, Give Blood Today - Vol.2" sempena Minggu Latihan Kebangsaan (NTW) 2025. Bertempat di Aras M, Perak Techno Trade Centre (PTTC), Bandar Meru Raya, acara ini berlangsung dari jam 9:00 pagi hingga 4:00 petang, menyeru komuniti setempat untuk tampil ke hadapan dan menyumbang dalam usaha menyelamatkan nyawa.

## "BE A HERO, GIVE BLOOD TODAY- VOL.2"

### Memupuk Budaya Tanggungjawab Sosial

Acara ini menggalakkan pendermaan darah sebagai usaha menyelamatkan nyawa dan memupuk tanggungjawab sivik. Ia membantu memastikan bekalan darah mencukupi untuk keperluan perubatan, sambil meningkatkan kesedaran dan membetulkan mitos tentang pendermaan darah sepanjang NTW 2025.

Kegiatan acara ini terhasil daripada kerjasama erat antara rakan strategik yang komited terhadap kesihatan awam dan khidmat masyarakat. Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Ipoh, melalui Jabatan Perubatan Transfusi, memainkan peranan utama dengan menyediakan sokongan perubatan profesional serta mengendalikan proses pendermaan darah. Perak Industrial Resources Sdn. Bhd. bertindak sebagai penganjur strategik, manakala Pengurusan Murni Sdn. Bhd., selaku pengurusan Perak Techno Trade Centre (PTTC), turut menyumbang sokongan penting dari segi penyediaan lokasi dan logistik. Usaha kolaboratif ini menyerlahkan kepentingan kerjasama antara sektor awam dan swasta dalam merealisasikan inisiatif CSR yang memberi impak besar kepada masyarakat.

Acara ini mendapat sambutan menggalakkan daripada pelbagai pihak, termasuk sektor awam dan swasta, yang menunjukkan komitmen tinggi terhadap usaha menyelamatkan nyawa melalui pendermaan darah. Antara yang turut hadir ialah wakil syarikat berkaitan kerajaan, agensi awam, rakan korporat, serta institusi seperti MB Inc., Digital Perak, HRD Corp, MITI Perak, SPRM, dan SME Corp Malaysia, bersama sokongan aktif daripada syarikat swasta tempatan.

### Satu Kempen Berjaya: Be A Hero, Give Blood Today – Vol.2 Berakhir dengan Sokongan Padu Komuniti

Seramai 56 peserta telah hadir dan 32 daripadanya telah berjaya menderma darah pada hari tersebut. Sekalung penghargaan diucapkan kepada semua peserta atas sokongan dan penyertaan yang diberikan.






# DAFTAR TALENT PERAK

## MAJIKAN

1

### Daftar Akaun Baharu

Bagi majikan yang ingin mendaftar, perlu melalui web portal di <https://talentperak.my/> dan tekan butang daftar/ 'sign up'



2

### Log Masuk & Akses "Dashboard"

Log masuk akaun anda. Klik 'Tab Company' untuk akses employer dashboard.



3

### Cipta & Simpan Maklumat Syarikat

Klik 'Create New Company', lengkapkan butiran syarikat, kemudian tekan 'Save'.



4

### Muat Naik Logo Syarikat

Klik 'Edit logo', pilih fail logo syarikat, kemudian tekan 'Upload' dan 'Save logo' untuk menyimpan.



Untuk Pertanyaan Lanjut

**Imbas QR Kod Dan Hubungi  
Kami Di Whatsapp**



# Dewan BELIA PERAK

## Cerminan Komitmen Belia Progresif

**N**egeri Perak adalah negeri pertama yang mengadakan Persidangan Dewan Belia yang menggunakan kemudahan Dewan Negeri sebenar. Persidangan Dewan Belia ini mengikut acuan dan peraturan-peraturan yang terdapat dalam Perintah Tetap Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan.

Dewan Belia Perak ditubuhkan bagi memastikan aspirasi anak muda Perak disampaikan ke dalam pembentukan dasar kerajaan negeri yang memberi impak kepada golongan muda di negeri Perak. Dewan Belia menghimpunkan suara dan aspirasi anak muda Perak untuk dibahaskan secara tersusun ke arah pembangunan yang lebih progresif dan inklusif.

Dewan Belia Perak bukanlah satu entiti baharu, tahun 2025 menandakan tahun pertama bagi sesi kelima Dewan Belia Perak. Di bawah sinergi pelbagai institusi, Dewan Belia ini dijalankan melalui pentadbiran Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan (EHEYNS), dengan kerjasama erat daripada Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK), Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak (JBS), Unit Komunikasi Strategik Negeri Perak (STRATCOMM), Institut Darul Ridzuan (IDR), dan Majlis Belia Negeri Perak (MBN).

9 Ogos 2025 berlangsungnya Mesyuarat Pertama, Tahun Pertama, Dewan Belia Negeri Perak Sesi Kelima dengan penglibatan seramai 63 Ahli Dewan Belia.

Mereka dipilih daripada 162 calon melalui proses pemilihan yang menilai potensi kepimpinan, pemikiran kritis, kefahaman isu semasa, komunikasi, dan kreativiti penyelesaian masalah. Ahli Dewan Belia yang terpilih telah menjalani Kem Induksi dan Sesi Pemantapan Usul bagi memperkukuh idea, memperoleh pandangan daripada pelbagai agensi, dan merangka cadangan yang mantap untuk dibawa ke persidangan. Ini demi memastikan perbahasan yang dijalankan memberi nilai tambah kepada pembangunan negeri.

Persidangan Dewan Belia kali ini telah membentangkan 11 usul utama yang meliputi pendidikan, ekonomi, sosial, pelancongan, teknologi, kelestarian alam sekitar, perumahan, dan perkahwinan belia. Usul-usul ini dirangka hasil dapatan kajian lapangan dan penyelidikan oleh 63 perwakilan mengikut portfolio pentadbiran negeri.

Selaras dengan aspirasi Perak Sejahtera 2030, penglibatan aktif anak muda melalui Dewan Belia akan terus mengangkat peranan mereka sebagai rakan strategik penting dalam membangunkan negeri secara mampan, progresif, dan inklusif.

# MUAT TURUN TALENT PERAK

Aplikasi carian kerja

Sebuah inisiatif Kerajaan Negeri Perak demi mempermudah urusan rakyat Perak dalam mencari pekerjaan. Pelbagai tawaran kerja dan kursus TVET yang menarik terbuka untuk anda!

1



MUAT TURUN  
APLIKASI DI APP  
STORE &  
GOOGLE PLAY

2



DAFTAR MASUK  
APLIKASI

3



DI PAPARAN  
HADAPAN  
PILIH BUTANG  
PROFIL

4



KEMAS KINI  
PROFIL DAN ISI  
RUANGAN  
BERTANDA (\*)

5



MUAT NAIK  
RESUME ANDA

6



SEKARANG  
PROFIL ANDA  
DI APLIKASI  
TALENT PERAK  
TELAH SELESAI!

Selain daripada mencari pekerjaan, ia juga menampilkan informasi terkini berkaitan program secara berkala!

**PASAK**  
PUSAT ASPIRASI ANAK PERAK

**TALENT  
PERAK**

HAK CIPTA TERPELIHARA, PUSAT ASPIRASI ANAK PERAK (PASAK)



SCAN DI SINI  
UNTUK  
MENDAFTAR  
**TALENT  
PERAK!**

10:37



Perak State Government Initiative

**Gerbang Kerjaya Kome**

Email

Password

Login

☒ Stay signed in

- or -

Sign Up

[Forgot Password?](#)